

## Kebakaran Flat Seri Sabah

# DBKL cakna nasib mangsa kebakaran

HAZIRAH HALIM

**M**ENTERI Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr

Zaliha Mustafa meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membantu membaiki kerosakan di bahagian luar rumah yang terbabit dalam kejadian kebakaran lima unit kediaman di Flat Seri Sabah, baru-baru ini.

Beliau berkata tugas membaiki kerosakan di bahagian luar rumah adalah dibawah tanggungjawab DBKL manakala bahagian dalam rumah pula adalah di atas tanggungjawab pembeli sendiri.

“Dalam masa yang sama, DBKL juga menyediakan rumah transit bagi menempatkan lima keluarga yang terlibat iaitu di Flat Seri Johor di mana kesemua mangsa mula menduduki rumah tersebut bermula 15 Februari (Khamis).

“Bagi mereka yang memiliki rumah sendiri atau dibeli, kita beri tempoh tinggal di rumah transit selama enam bulan manakala yang menyewa kita beri sehingga tiga tahun,” ujar beliau kepada pemberita ketika hadir melawat mangsa kebakaran di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri



**ZALIHA** menyantuni mangsa kebakaran di Flat Seri Sabah pada Selasa.

Cheras pada Selasa.

Turut hadir Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dan Ahli Parliment Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh.

Dalam pada itu, beliau berkata Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) juga bersedia untuk bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi meningkatkan aspek penyelenggaraan sistem penggera kebakaran dan keselamatan di

perumahan awam DBKL.

“Sememangnya ia sepatutnya dilakukan dengan membuat pemeriksaan bagi memastikan sistem penggera kebakaran dan keselamatan berfungsi sewaktu kecemasan.

“Saya ingin mengingatkan kepada penduduk dan orang ramai supaya menjaga harta awam

sebab kita bimbang dalam waktu kecemasan, paip pili bomba tidak dapat digunakan kerana rosak berkemungkinan disebabkan oleh vandalisme,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parliment Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata program kesedaran perlu diperluaskan bagi mendidik orang awam supaya tahu menggunakan alat pemadam api sebagai langkah pencegahan awal sementara menunggu ketibaan pihak berkuasa.

Pada sesi tinjauan tersebut, DBKL antara salah satu agensi kerajaan yang turut menghulurkan sumbangan wang tunai kepada keluarga terkesan dengan jumlah RM1,000 selain JWP RM5,000; Pejabat Parliment Bandar Tun Razak RM1,000; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat RM1,000 dan Jabatan Kebajikan Masyarakat RM300.

Ini menjadikan sumbangan tunai yang diterima oleh setiap Ketua Isi Rumah berjumlah RM7,300.

Pada kejadian kira-kira pukul 9 malam pada Ahad (11 Februari), lima unit rumah di tingkat 17, Blok 70, Flat Sri Sabah terbakar membabitkan 16 mangsa daripada lima keluarga terlibat. **WK**